

26 FEBRUARI 2021 (JUMAAT)

PKP peluang tingkat penguasaan bahasa asing

Oleh **DIANA SURYA**
ABD. WAHAB
utusannews@mediamula.com.my

KUANTAN: Penguasaan bahasa asing selain Inggeris seperti Jepun, Jerman dan Perancis masih rendah dalam kalangan pemandu pelancong di negeri ini.

Daripada kira-kira 146 pemandu pelancong berlesen dan berdaftar di bawah Persatuan Pemandu Pelancong Pahang, kurang lima peratus daripada mereka menguasai bahasa berkenaan.

Pengerusinya, Chin Yeong Chyuan berkata, bahasa Jepun, Jerman dan Perancis begitu penting untuk dikuasai oleh golongan pemandu pelancong.

"Di Pahang, negeri ini sering menerima kunjungan pelancong dari negara tersebut.

"Penutupan pintu sempadan negara dan negeri sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masa terbaik menambah dan mengemas kini maklumat dan menekankan kemahiran komunikasi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Yeong Chyuan berkata, pemandu pelancong tidak harus melihat kemunduran industri pelancongan akibat pandemik Covid-19 sebagai satu musibah tetapi penutupan sektor itu digunakan sebaiknya dalam menambah baik pengetahuan dan kemahiran.

"Bagi industri pelancongan domestik, kebanyakan tidak memerlukan pemandu pelancong sepenuhnya namun ada juga segelintir menggunakan-nya tetapi ia lebih diperlukan jika terdapat kumpulan yang



CHIN YEONG CHYUAN

besar.

"Walaupun Tourism Malaysia telah melakukan banyak usaha dari segi promosi tetapi kenaikan kes Covid-19 yang bertambah buruk tidak banyak yang dapat membantu industri ini.

"Jadi inilah masa yang tepat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi pemandu pelancong khususnya yang mempunyai lesen," katanya.

Jelasnya, usaha penguasaan bahasa asing menjadi salah satu langkah membantu kerajaan meningkatkan mutu pelancongan pada masa akan datang.

"Tidak semua pemandu pelancong yang boleh bercakap dalam pelbagai bahasa asing. Mereka boleh ambil peluang ini untuk menambah ilmu bahasa selain bahasa Inggeris dan Melayu.

"Secara tidak langsung, usaha ini mampu mempersiapkan diri menjadi pemandu pelancong yang lebih profesional," katanya.